


Intisari Sejarah Mexico Baharu



Pablo Escalante-Gonzalbo
Bernardo García - Martínez
Luis Jáuregui
Josefina Zoraida Vázquez
Elisa Speckman-Guerra
Javier Garcadiago
Luis Aboites-Aguilar

Intisari Sejarah
Mexico Baharu .

to Dr Mahatir Mohamed
with my profound
respect and admiration

 Abdul Aziz

February 18 2016.

250717

Cetakan Pertama / *First Printing*, 2015
Hak cipta / *Copyright* Universiti Kebangsaan Malaysia,
and El Colegio de Mexico (COLMEX) 2015
©Karya terjemahan oleh Institut Kajian Malaysia dan
Antarabangsa IKMAS, UKM dan Penerbit UKM
©A *New Compact History of Mexico*, 2013 by COLMEX

Hak cipta terpelihara. Tiada bahagian daripada terbitan ini
boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukarkan
ke dalam sebarang bentuk atau dengan sebarang alat juga pun, sama ada
dengan cara elektronik, gambar serta rakaman dan sebagainya
tanpa kebenaran bertulis daripada Penerbit UKM dan COLMEX terlebih dahulu.

*All rights reserved. No part of this publication may be reproduced or
transmitted in any form or by any means, electronic or mechanical
including photocopy, recording, or any information storage and
retrieval system, without permission in writing from Penerbit UKM and COLMEX*

Diterbitkan di Malaysia oleh / *Published in Malaysia by*
PENERBIT UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA
43600 UKM Bangi, Selangor D.E. Malaysia
e-mel: penerbit@ukm.edu.my
<http://www.ukm.edu.my.penerbit>

Penerbit UKM adalah anggota / *is a member of the*
MAJLIS PENERBITAN ILMIAH MALAYSIA /
MALAYSIAN SCHOLARLY PUBLISHING COUNCIL
PERSATUAN PENERBIT BUKU MALAYSIA /
MALAYSIAN BOOK PUBLISHERS ASSOCIATION
No. Ahli / *Membership No.* 198302

Atur huruf oleh / *Typeset by*
RTS TYPESETTING AND TRADING
No. 14, Jalan Jemuju Empat 16/13D,
Seksyen 16, 40200 Shah Alam,
Selangor D.E., MALAYSIA

Dicetak di Malaysia oleh / *Printed in Malaysia by*
UKM CETAK
UKM Holdings Sdn. Bhd.
Aras Bawah, Bangunan Penerbit UKM
43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan, MALAYSIA

Perpustakaan Negara Malaysia Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Escalante-Gonzalbo, Pablo
Intisari Sejarah Mexico : Perspektif Baharu / Pablo Escalante-Gonzalbo,
Bernardo García - Martínez, Luis Jáuregui, Josefina Zoraida Vazquez,
Elisa Speckman-Guerra, Javier Garciadiego, Luis Aboites-Aguilar,
Includes index
1. Mexico--History. 2. Mexico--Civilization. I. García - Martínez, Bernardo.
II. Jáuregue, Luis. III. Vazquez, Josefina Zoraida. IV. Speckman-Guerra,
Elisa. V. Garciadiego, Javier. VI. Aboites-Aguilar, Luis. VII. Judul.
972

ISBN 978-967-412-288-1

972
ESC



Addendum

Spanish

“La presente traducción fue realizada con el estímulo del Programa de Apoyo a la Traducción de Obras Mexicanas a Lenguas Extranjeras PROTRAD, dependiente de las instituciones culturales de Mexico convocantes.”

Malay

“Terjemahan ini dilakukan dengan dorongan Program Sokongan untuk Menterjemah Karya-karya Mexico ke Bahasa Asing (PROTRAD), di bawah riayah institusi untuk mempromosi budaya Mexico yang membentuknya.”



1010951

Hak c

©Ka

A

©AN

Hak ci
boleh diterbi
ke dalam seba
dengan c
tanpa kebenaran

*All rights re
transmitte
including
retrieval system,*

Diterl

PEI

Pe

A

M

D

436t

Perpustakaan Ne

Escalante-Go
Intisari Sej
Bernardo C
Elisa Spec
Includes ir
I. Mexico-
II. Jáuregu
Elisa. V. C
972

ISBN 978-


978
FBC



Intisari Sejarah Mexico Baharu

Pablo Escalante-Gonzalbo
Bernardo García - Martínez
Luis Jáuregui
Josefina Zoraida Vazquez
Elisa Speckman-Guerra
Javier Garciadiego
Luis Aboites-Aguilar

Diterjemahkan oleh
Zarina Othman • Nik Mohammad Hasif Mat
Intan Safinaz Zainudin • Rozmel Abdul Latiff
Taufik Rashhid • Azizah Ya'acob



PENERBIT UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA
BANGI • 2015

<http://www.ukm.my/penerbit>

PUSTAKA PERDANA



1010951

Kandungan

Nota Penterjemah ... 7

Prakata ... 9

BAB 1 Mexico Purba ... 11
Pablo Escalante-Gonzalbo

BAB 2 Era Zaman Penjajah Sehingga Tahun 1760 ... 53
Bernardo Garcia-Martinez

BAB 3 Reformasi Bourbon ... 103
Luis Jauregui

BAB 4 Dari Kemerdekaan kepada Penyatuan Sebuah Republik ... 125
Josefina, Zoraida Vazquez

BAB 5 Porfiriato ... 185
Elisa Speckman-Guerra

BAB 6 Revolusi ... 218
Javier Garciadiego

BAB 7 1929-2000 : Mexico Kini ... 255
Luis Aboites -Aguilar

Glosari ... 297

Senarai Pengarang ... 301

Indeks ... 307

Nota Penterjemah

Setiap usaha untuk memaklumkan kepada umum tentang sejarah sesebuah negara memerlukan penelitian yang terperinci tentang fakta sejarah secara menyeluruh. Setiap negara melalui institusi tertentu akan mengolah fakta sejarah bagi menentukan supaya generasi yang ada dan yang akan datang sedia maklum akan warisan masing-masing.

Bagi Mexico, El Colegio de Mexico (COLMEX) adalah institusi pengajian tinggi yang tersohor yang telah mengambil tanggungjawab untuk merakamkan sejarah negara ini. Usaha ini telah bermula pada awal 1970an dengan penerbitan *Historia Minima de Mexico* yang kemudiannya dikaryakan dalam Bahasa Inggeris - *A Compact History of Mexico* pada 1973. Setelah melalui beberapa edisi penerbitan, pihak penerbit di COLMEX mendapati bahawa perlu adanya penerbitan yang baharu kerana terdapat fakta sejarah yang masih perlu ditambah atau diberi lebih pencerahan. Oleh itu, dengan gabungan penulisan tujuh orang tokoh sejarah, sebuah karya baharu iaitu *Nu eva Historia Minima de Mexico* yang diterjemah ke versi Bahasa Inggeris - *A New Compact History of Mexico* diterbitkan pada 2013. Buku inilah yang menjadi tumpuan dalam usaha penterjemahan ke dalam Bahasa Melayu.

COLMEX memandang berat usaha bagi memastikan sejarah negara Mexico diketahui dan difahami oleh masyarakat yang *lingua franca* bukan bahasa Sepanyol. Usaha penterjemahan seterusnya dirancang bersama Universiti Kebangsaan Malaysia melalui Institut Kajian Oksidental (IKON) dalam usaha untuk merealisasikan Memorandum Persefahaman UKM-COLMEX yang ditandatangani pada 2012 dan diselaraskan oleh Duta Mexico ke Malaysia pada ketika itu, HE Jorge Alberto Lozoya Legoreta. IKON yang kemudiannya bergabung di bawah Institut Kajian Malaysia dan Antarabangsa (IKMAS) telah melaksanakan usaha penterjemahan ke dalam Bahasa Melayu. Setelah melalui beberapa rintangan, usaha ini dapat diselesaikan dengan jayanya di bawah inisiatif Prof. Madya Dr. Zarina Othman, Ketua Pusat Kajian Amerika Latin (iKAL) bersama ahli kumpulan penterjemahnya.

Inisiatif terjemahan ini melibatkan gabungan usaha para penutur asli pensyarah tempatan yang mempunyai latar belakang kepakaran dalam bidang analisis wacana bahasa, kemahiran komunikasi dan

budaya serta bidang kepakaran penterjemahan bahasa. Para penterjemah dengan tekun, akur kepada prinsip penterjemahan di mana penterjemah (i) tidak mengubah maksud pengarang teks asal (ii) menghasilkan terjemahan yang mudah difahami pembaca supaya tujuan komunikasi antara pembaca dengan pengarang asal dapat dicapai (iii) menghormati tatabahasa penerima dan yang paling penting (iv) menterjemah makna bahasa dan bukan menterjemah bentuk bahasa.

Intisari Sejarah Mexico Baharu ini adalah buku yang ketiga dalam Siri Penterjemahan IKMAS selepas *Alif* oleh Borges (Argentina) dan *Breve Historia De La Argentina* oleh José Luis Romero. Bagi IKMAS, melalui pusat kajian iKON, iKal, iKAS dan iKRAB, usaha penterjemahan akan diberi perhatian dalam usaha memenuhi keperluan penambahan khazanah ilmu dari pelbagai rantau serta pengkayaan karya penulisan dalam Bahasa Melayu.

Usaha penterjemahan buku ini telah dibiayai oleh Kementerian Luar Mexico (FONCA) dengan Program Sokongan menterjemah karya penulisan Mexico ke bahasa asing (PROTRAD) untuk mempromosi institusi budaya Mexico. Pihak IKMAS ingin mengucapkan terima kasih atas penghargaan yang diberikan oleh pihak FONCA dan bekerjasama erat bersama Kedutaan Mexico di Malaysia terutamanya H. E. Carlos Felix Corona, Duta Besar Mexico ke Malaysia, dan Puan Maria de Lourdes Sosa Marquez, Saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada H. E Alberto Lozoya, mantan Duta Mexico ke Malaysia yang sentiasa memberi perhatian kepada perkembangan kajian Amerika Latin di UKM. Perhatian yang diberikan oleh Prof. Dato' Dr. Roslan, Pengerusi Penerbit UKM, dan Prof. Emeritus Dato' Dr. Abdul Rahman Embong, Pengerusi Jawatankuasa Penyelidikan dan Penerbitan IKMAS dan ahli Sidang Pengarang UKM juga amatlah dihargai.

Pihak IKMAS akan sentiasa berusaha untuk meningkatkan usaha penterjemahan penerbitan teks penting dari pelbagai rantau ke dalam Bahasa Melayu. Penambahan korpus ilmu penulisan dalam Bahasa Melayu ini akan memperluaskan perspektif pembaca dengan menikmati ilmu pengetahuan dari budaya asing. Adalah diharapkan juga, usaha sebegini dapat memperkasakan jambatan hubungan sesama manusia dan seterusnya menyumbang ke arah pemartabatan Bahasa Melayu oleh Institut Kajian Malaysia Antarabangsa, IKMAS.

Prof. Dr. Rashila Hj. Ramli
Pengaroh IKMAS

Prakata : *A New Compact History of Mexico*

DALAM tahun 1973, El Colegio De México telah menerbitkan versi pertama *Historia mínima de México* (diikuti pada tahun 1974 dalam terjemahan Bahasa Inggeris *A Compact History of Mexico*, dengan prakata oleh Robert A. Potash dan telah diterjemahkan oleh Marjory Mattingly Urquidi). Tujuan buku ini diterbitkan dalam bahasa Sepanyol adalah untuk menyampaikan kepada orang Mexico yang hidup pada masa itu tentang pengetahuan asas sejarah negara mereka. Lima orang penulis telah mengambil bahagian dalam versi pertama tersebut—Daniel Cosío Villegas (Pengarah Projek), Ignacio Bernal, Alejandra Moreno Toscano, Luis González, dan Eduardo Blanquel—menyatakan apa yang kemudiannya dianggap visi yang paling ringkas dan tepat untuk Mexico yang dahulu. Edisi berikutnya termasuk satu esei tambahan (oleh Lorenzo Meyer) meliputi tahun yang berikutnya; walau bagaimanapun, karya penting tersebut kekal sama sehingga muncul abad ke-21. Lebih tiga dekad sejak penerbitan asalnya, *Historia Mínima de México* telah mencapai cetakan lebih satu juta salinan dan telah diterjemahkan ke dalam empat belas bahasa yang berbeza, termasuk Braille.

Pengetahuan sejarah diperbaharui dan diperkayakan setiap hari merupakan hasil daripada penyelidikan dan analisis. Pada tiga setengah dekad lalu, aspek yang tidak diketahui tentang Mexico suatu masa dahulu telah ditemui, manakala yang kabur telah dijelaskan. Ketidaktepatan telah diperbetulkan dan memperoleh wawasan melalui tafsiran baru dan cara-cara untuk memahami serta menjelaskan kedua-dua fenomena dan peristiwa yang lepas. Hal ini telah digambarkan dalam semua penerbitan mengenai sejarah oleh El Colegio de México dan perlu menjadi ciri-ciri penting terhadap minat kerja umum untuk penyebaran seperti ini. Demikian pula, seseorang itu boleh mengatakan bahawa pengetahuan sejarah yang minimum adalah diperlukan oleh mana-mana orang Mexico pada hari ini, adalah lebih besar berbanding

dahulu kerana tahap pendidikan di Mexico telah meningkat dan yang lebih penting, begitu juga tahap sosial dan tanggungjawab politik serta komitmen orang Mexico.

Pada tahun 2004, El Colegio de México merasakan bahawa sudah tiba masanya untuk menyediakan *Neuva Historia Minima de México*, versi Bahasa Inggeris yang kami bentangkan kepada pembaca kami di sini. Dalam memelihara tujuan bagi sintesis dan kesederhanaan yang menjadi garis panduan asas pada permulaan *Historia Minima de México*, karya baharu ini merupakan novel sepenuhnya dan merupakan manuskrip asal: iaitu mengandungi teks yang jelas bagi edisi ini yang disediakan oleh tujuh penulis lain. Ia juga menggunakan satu pendekatan baharu kerana zaman pensejarahan, cadangan, penjelasan, liputan topik yang lebih meluas dan selain itu, visi yang lebih moden digunakan sebagai asas yang sebaik mungkin untuk menghasilkan pengetahuan yang lebih lengkap yang ada pada kita pada tahun-tahun awal abad ke-21. Jadi, ketujuh-tujuh penulis ini telah berusaha untuk memastikan bahawa tajuk mereka menyeronokkan dan difahami oleh setiap pembaca berbanding versi yang sebelumnya.

El Colegio de México bercadang untuk melihat versi masa hadapan terhadap kandungan kerja ini, seperti yang difikirkannya perlu, hasil penyelidikan dan kajian-kajian lain yang dijalankan. Dengan *A New Compact History of Mexico*, institusi kami bermatlamat untuk menawarkan kepada pembaca berbahasa Inggeris teks dinamik yang menggambarkan pengetahuan kita tentang masa lalu negara ini, yang dipertingkat dan diperhalusi pada setiap hari yang berlalu.

BAB 1

Mexico Purba

Pablo Escalante-Gonzalbo

Mexico sebenarnya adalah kepelbagaian Mexico. Ini bukan hanya disebabkan oleh perbezaan sosial yang dramatik, tetapi juga disebabkan oleh wujudnya asas kepelbagaian kumpulan etniknya, tradisi budaya dan eko sistem yang amat jelas perubahannya dari satu daerah ke daerah yang lainnya. Kawasan daerah yang tertua dan yang paling berkepentingan sejarahnya wujud antara ketamadunan pertanian yang luas merangkumi keseluruhan bahagian separuh selatan wilayah dan penduduk yang berfokus kepada perladangan berpindah-pindah dan pemburu pengumpul yang tinggal di kawasan utara yang gersang. Kebiasaan melihat pusat istiadat Tenochtitlan yang hebat sebagai rujukan hubung kait kepada kerakyatan Mexico dan nama-nama yang kebiasaan didengar seperti Moctezuma dan Nezahualcoyotl, tidak sepatutnya menyebabkan kita lupa kepada generasi nenek moyang yang tinggal di daerah penempatan primitif di kawasan pergunungan Chihuahua, berdekatan dengan serigala dan beruang atau mereka yang berjalan tidak berpakaian di dataran Baja California sambil memerhati kawal tepian pantai.

Walau bagaimana pun dengan demografi dan kepentingan politik, mereka yang berada di selatan seperti kaum Nahuatl, Zapotec atau Maya mampu terus hidup dan berintegrasi dalam pemerintahan baharu ('new order') yang wujud disebabkan oleh penaklukan Sepanyol. Mereka mampu menggabungkan adat resam mereka, imej dan memori ke dalam liku-liku sejarah negara dengan pelbagai cara. Kumpulan puak lain seperti pemburu Coahuila atau orang-orang Jalisco dan Zacatecas yang enggan menerima penguasaan Sepanyol telah dihapuskan bersama cerita dan idea mereka. Ada juga seperti kaum Tarahumara dan kaum Seri yang telah terus hidup di tepi jurang, dan pinggir pantai yang terbiar, dalam cebisan sejarah.

Ringkasan teks ini membawa tumpuan kita kepada sejarah sentral metropolitan kumpulan yang hebat: kumpulan Olmecs dari San Lorenzo, dari Teotihuacán, dari Tula, sejarah ketamadunan Mesoamerika di mana kami memiliki maklumat yang agak luas mengenainya. Memandangkan data yang sedia ada tentang orang-orang di bahagian utara adalah dispersi dan berfragmentasi, maka adalah agak sukar untuk masukkan mereka dalam gambaran keseluruhan.

Sekiranya dilukis satu garisan di atas peta Mexico dari barat ke timur dengan lingkungan kawasan arkeologi seperti Huatabampo di Sonora, El Zape di Durango, Chalchihuites di Zacatecas, Villa de Reyes di San Luis Potosí dan San Antonia Nogalar di Tamaulipas, hasilnya adalah sebuah bentuk gerbang, tertinggi di hujung dan menurun ke daerah Bolsones; melambangkan sempadan sebelah utara Mesoamerika pada tahap kemuncak perkembangan, lebih kurang pada tahun 900 C.E. (*Common Era*). Sempadan itu berserta pembinaan ketamadunan Mesoamerika itu sendiri adalah hasil daripada proses pensejarahan yang telah bermula dengan penanaman jagung dan tumbuhan lain. Ia meliputi juga pembangunan metod pertanian yang intensif, pembahagian masyarakat mengikut pengkelasan tertentu, penubuhan perkongsian jaringan ratusan batu dan pembinaan istiadat yang kompleks, seperti kuil-kuil yang ditempatkan di puncak piramid dan gelanggang bola (the ball courts).

Pemburu Pengumpul

Negara-negara Amerika mula diduduki penduduk pada sekitar tahun 40000 BCE (*Before Common Era*). *Homo erectus* telah mempelajari bagaimana mengadakan api setengah juta tahun dahulu manakala *Homo sapiens sapiens* baru sahaja wujud ketika itu dan sub spesies *neanderthalensis* belum secara keseluruhannya terhapus. Dengan itu, adalah penting untuk membuat pemerhatian bahawa manusia seperti yang kita kenal mereka di masa kini telah memulakan sejarah mereka pada masa yang sama di Amerika dan di rantau lain di dunia.

Laluan ke Amerika dapat dilaksanakan dengan penurunan tahap ciri-ciri aras laut oleh era geologikal yang dikenali dengan Pleistocene atau pun Zaman Ais (Ice Age). Pada waktu berlakunya glasial terakhir dalam era itu yang dikenali dengan Wisconsin Glaciation – Glasial Wisconsin

(ca. 100000 to 8000 BCE), beribu tahun tempoh lamanya di mana Asia timur utara bercantum dengan Amerika barat utara. Di situlah kaum muda *Homo sapiens sapiens* telah melangkah ke seberang dalam gelombang laut yang berterusan.

Petunjuk tertua pendudukan manusia seperti apa yang digelar Mexico sekarang ini telah bermula sejak 3500 BCE. Antara tahun tersebut dan 5000 BCE, apabila pertanian domestik jagung dan kacang bermula, hanya terdapat kumpulan pemburu pengumpul dan nelayan. Kumpulan ini amat serba boleh, mudah berpecahan mengikut bahagian komponennya tersendiri. Dalam keadaan serba kekurangan, setiap keluarga menduduki tempat yang lain dengan tempat tinggal dari binaan ranting atau menetap di gua di mana mereka hanya dapat menggunakan sumber sedia ada yang berdekatan. Apabila musim tidak kekurangan tiba selalunya pada musim panas, kebanyakan keluarga akan berkumpul di tempat di mana kumpulan ditubuhkan untuk berkumpul dan memburu. Beberapa kumpulan akan bergabung dan membentuk 'kumpulan makro' (macro bands) untuk bertukar wanita, mengatur aktiviti pemburuan yang baik atau mempertahankan kawasan mereka. Setiap kumpulan boleh mengandungi beberapa dozen manusia dan setiap kumpulan makro boleh mengumpul ratusan orang.

Bahagian sejarah Mexico, sebelum pembangunan pertanian dikenali dengan nama the Lithic Stage (Tahap Lithic), dan kebanyakannya berlaku pada zaman ais apabila pada ketika itu, Amerika masih dengan kudakudanya, antelop, binatang besar dan sepsis lain yang menjadi pupus disebabkan perubahan cuaca yang dibawa oleh Holocene.

Salah satu daripada cerita peribadi daripada orang-orang Mexico yang terdahulu berlaku sekitar tahun 7000 BCE sejenak sebelum pempupusan mega fauna Amerika. Kumpulan-kumpulan pemburu pengumpul yang tinggal di Lembah Mexico biasa menternak binatang-binatang besar sehingga ke tebing paya Lake Texoco. Apabila mamalia raksasa ini tunduk ke dalam lumpur, pemburu akan mencederakan mereka dengan senjata panah sehingga binatang ini jatuh penat ataupun mati. Pada satu masa dahulu, kira-kira 9000 tahun dahulu, pada suatu hari, seorang wanita berumur 25 tahun dengan ketinggian 1.5 m (4 kaki 11 inci) menyertai buruan apabila malangnya, beliau tersungkur dan jatuh lalu mati. Sehingga kini, beliau tertanam dalam keadaan muka tersembam

Intisari Sejarah Mexico Baharu

Pada tahun 1973, El Colegio de Mexico telah menerbitkan versi pertama yang berjudul *Historia mínima de Mexico*, (diikuti pada tahun 1974 dengan versi terjemahan Bahasa Inggeris yang berjudul *A Compact History of Mexico*) bertujuan untuk menyediakan orang-orang Mexico ketika itu dengan satu ilmu asas sejarah negara mereka. Lima pengarang telah melibatkan diri dalam penulisan buku ini – Daniel Cosío Villegas, (pengarah projek), Ignacio Bernal, Alejandra Moreno Toscano, Luis Gonzales, dan Eduardo Blanquel – yang telah mengekspresikan apa yang diperkatakan pada waktu itu sebagai satu sejarah paling padat, gambaran yang tepat berkenaan Mexico terdahulu. Edisi berikutnya, merangkumi karangan tambahan (oleh **Lorenzo Meyer**) meliputi tahun-tahun seterusnya tetapi karya masih tetap sama sehinggalah abad kedua puluh satu. Sementara mengekalkan tujuan meng sintesis dan memudahkan peranannya sebagai panduan asas kepada versi awal *Historia mínima de Mexico*, karya baru ini meliputi manuskrip novel yang lengkap dan asli: mengandungi paparan teks yang disediakan oleh tujuh orang pengarang untuk edisi ini. Naskah ini juga menyediakan satu pendekatan yang baharu dengan dihiasi oleh penempohan pensejarahan, cadangan, penerangan, liputan tajuk yang lebih meluas dan yang utama ialah gambaran yang lebih moden yang mempunyai asas terbaik dengan pandangan yang lebih lengkap, ilmu pengetahuan yang halus dalam tanggapan kami pada awal abad ke 21. Oleh itu, *Intisari Sejarah Mexico Baharu (A New Compact History of Mexico)*, bukanlah satu sejarah baharu tetapi suatu karya yang berinovasi. Dalam bacaannya, pembaca akan menemui pentaksiran dan perspektif yang akan membolehkan mereka menggarap fahaman yang asas tentang sejarah Mexico dengan cara yang menyeronokkan.

Pablo Excalante-Gonzalbo, PhD, Profesor dan Penyelidik di Institut Penyelidikan Estetik, National University of Mexico (UNAM). **Bernardo García-Martínez**, PhD, Profesor di Pusat Kajian Sejarah, El Colegio de Mexico. **Luis Jauregui**, PhD, Ketua Pengarah di Institut Jose Maria Luis Mora, Mexico. **Josefina Zoraida Vázquez**, PhD, Profesor Emeritus di El Colegio de Mexico. **Elisa Speckman-Guerra**, PhD, Penyelidik di Insutur Penyelidikan Sejarah, UNAM. **Javier Garcíadiego**, PhD, Presiden di El Colegio de Mexico. **Luis Aboites-Aguilar**, PhD, Profesor dan Penyelidik di Pusat Kajian Sejarah, El Colegio de Mexico.



**DENERBIT
UKM
UKM PRESS**

**C EL COLEGIO
M DE MÉXICO**

ISBN 978-967-412-288-1



9 789674 122881